

'Jadikan iktibar kes pegawai kastam terbabit rasuah'

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terus memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan anggota dan pegawainya, selari dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam menentang rasuah.

Perdana Menteri berkata, insiden membabitkan enam pegawai JKDM dalam Ops Airways yang dikaitkan dengan sindiket penyeludupan di Pusat Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) harus dijadikan iktibar.

"Saya menyeru supaya JKDM terus memperkukuh nilai integriti dalam kalangan pegawai kerana matlamat kerajaan ini jelas bahawa amalan rasuah dan pen-

cabulan terhadap usaha mengangkat darjat negara ini akan dikenakan dengan tindakan tegas, tidak kira terhadap mana-mana individu.

"Jangan pernah sesekali kita mencemarkan nama baik jabatan dan meroboh kepercayaan rakyat kepada kita. Kendatipun begitu, saya ingin mengingatkan bahawa integriti dan amanah adalah tunjang utama dalam perkhidmatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi ucapan yang dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri

Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin.

Anwar berkata, JKDM adalah sebuah institusi penting yang memainkan peranan strategik dalam memacu pembangunan negara.

Katanya, selama ini, jabatan itu berjaya melaksanakan fungsi utamanya iaitu mengutip hasil negara dan memperkasakan rantaian perdagangan yang selamat.

"Saya dimaklumkan bahawa kutipan hasil JKDM pada 2024 adalah sebanyak RM65.57 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM10.40 bilion ketimbang 2023.

"Prestasi ini amat mem-

banggakan dan ia membuktikan keupayaan JKDM untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi MADANI yang mampan.

"Segala usaha, kudrat dan pengorbanan warga JKDM membentuk imej jabatan ini sebagai institusi yang dipercayai dan disegani. Saya yakin, dengan niat yang ikhlas dan kerjasama berpasukan yang kukuh, JKDM akan terus mencatat kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahu warga JKDM mempersiapkan diri berdepan peredaran zaman yang semakin mencabar, kecekapan teknologi dan kemampuan untuk lebih

kreatif dalam menjalankan peningkatkan kuasa.

"Seiring dengan perkembangan teknologi hari ini, dengan pembangunan teknologi AI (kecerdasan buatan) yang semakin kompleks diganding dengan kehidupan era *post-truth* (pasca kebenaran), JKDM kini berhadapan dengan cabaran yang lebih kompleks di mana jenayah terdahulu tidak lagi terpacul dengan cara yang sama hari ini.

"Namun, saya cukup yakin dengan keupayaan tinggi pegawai dan anggota JKDM untuk membawa hasil yang lebih memberangsangkan kepada negara serta membanteras jenayah kontraband dengan lebih berkesan," katanya.



Fadillah bersama Amir Hamzah dan Anis Rizana pada Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)